



BORANG INVENTORI PROJEK PELAJAR

PERKARA	MAKLUMAT <i>INFORMATION</i>
Program <i>Program</i>	DAT
Jabatan <i>Department</i>	PERDAGANGAN
Semester/ Tahun <i>Semester/ Year</i>	LIMA
Tajuk Projek <i>Project Title</i>	TAHAP KESEDARAN PELAJAR DIPLOMA AKAUNTANSI POLITENIK TERHADAP PROFESIONALISME PERAKAUNAN
Jenis Projek <i>Type of Project</i>	PENYELIDIKAN
Kategori Kluster Penyelidikan <i>Category/ research Cluster</i>	SAINS SOSIAL
Ahli Kumpulan <i>Group member</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. NUR FAZIRAH BINTI IDRIS 991005045436 2. RABIATUL ADAWIYAH BINTI AHMAD 990327015470 3. IZZAH BINTI OMAR SANI 980523016420 4. 5.
Penyelia <i>Supervisor</i>	SITI NAJDAH BINTI MOHD NOR 710526015140
Penyelia Bersama <i>Co-Supervisor</i>	
Abstrak <i>Abstract</i>	<p>Di Malaysia, isu utama yang sering dibangkitkan adalah negara memerlukan 60,000 akauntan bertauliah untuk membantu negara mencapai Wawasan 2020. Pelbagai inisiatif telah diusahakan oleh kerajaan dengan menjalankan kerjasama antara badan-badan profesional dengan institusi pendidikan untuk meningkatkan bilangan Akauntan profesional di negara ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti tahap kesedaran pelajar Diploma Akauntansi Politeknik Zon Selatan terhadap Profesionalisme Perakaunan. Hal ini disebakan bilangan akauntan bertauliah yang masih kurang walaupun tahun 2020 semakin menghampiri. Sampel untuk kajian ini adalah seramai 136 orang dipilih secara rawak daripada 213 jumlah populasi pelajar Diploma Akauntansi semester 5 di</p>

	Politeknik Zon Selatan. Kajian ini menggunakan bahan metodologi dari sumber primer dan sekunder. Bagi memenuhi objektif kajian ini, borang soal selidik telah diedarkan kepada responden untuk memperolehi maklumat kajian. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 25.0.
Keyword <i>Keyword</i> (max 5 word)	PERAKAUNAN, BADAN PERAKAUNAN PROFESIONAL, SIJIL PERAKAUNAN PROFESIONAL
Objektif Projek <i>Project Objectives</i>	1. Mengenal pasti tahap kesedaran pelajar Diploma Akauntasi terhadap kepentingan sijil perakaunan professional. 2. Mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap kewujudan badan professional.
Skop Projek <i>Project scope</i>	PELAJAR DIPLOMA AKAUNTANSI SEMESTER 5 POLITEKNIK ZON SELATAN

IP No	
Dapatan <i>Finding</i> (500 words max)	<p>Kajian ini dilakukan dengan menggunakan sumber data primer. Data primer adalah merupakan sumber data utama yang diperoleh secara langsung dari sumber asli atau pihak pertama. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat responden melalui kajian mengenai tahap kesedaran terhadap sijil perakaunan professional di kalangan pelajar Diploma Akauntasi di Politeknik Zon Selatan. Kajian soal selidik yang dibentuk oleh pengkaji adalah berdasarkan bahan kajian lepas.</p> <p>Borang soal selidik tersebut telah digunakan untuk tujuan analisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan dalam menjalankan kaedah penyelidikan dan data yang telah diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan Statistical Packages for Social Science (SPSS versi 25). Analisis Statistik yang digunakan adalah analisis deskriptif.</p> <p>Purata min bagi faktor tahap kesedaran pelajaran Diploma Akauntansi terhadap kepentingan sijil adalah sebanyak 4.16 menunjukkan semua responden bersetuju bahawa mereka sedar akan kepentingan sijil perakaunan profesional.</p> <p>Purata min bagi faktor tahap kesedaran pelajar terhadap kewujudan badan profesional adalah sebanyak 4.14 dimana semua responden bersetuju bahawa mereka sedar akan kewujudan badan profesional.</p>
Cadangan untuk kerja-kerja akan datang <i>Suggestion for future work</i> (500words)	<p>Pengkaji ingin mencadangkan kepada pelajar Politeknik Zon Selatan agar mereka lebih berminat terhadap profesi perakaunan agar dapat mencapai sasaran Malaysia untuk melahirkan jumlah akauntan yang lebih ramai pada masa akan datang. Kajian ini dapat membantu mereka untuk mengetahui dengan lebih jelas dan mendalam tentang kesedaran pelajar terhadap sijil perakaunan profesional dan kesedaran pelajar terhadap kewujudan badan-badan perakaunan professional. Seterusnya pengkaji ingin mencadangkan kepada pensyarah untuk memberi lebih banyak pendedahan mengenai kepentingan sijil perakaunan profesional. Selain itu, pensyarah boleh membawa pelajar-pelajar ke seminar yang dianjurkan oleh badan-badan profesional bagi mendorong pelajar lebih berminat untuk mengambil sijil perakaunan dan mengambil peperiksaan yang dianjurkan oleh badan-badan profesional. Akhir sekali, pengkaji ingin mencadangkan kepada Institusi badan profesional diharapkan lebih peka dan mengambil lebih perhatian dalam memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan akauntan bertauliah. Justeru itu, badan-badan perakaunan profesional seperti ICAEW, MICPA, CIMA, CPA dan ACCA perlu merancang strategi seperti menjalankan kempen dan mengadakan ceramah kepada pelajar. Mereka juga boleh pergi ke institusi-institusi yang ada di Malaysia untuk memberitahu tentang keistimewaan badan-badan mereka sendiri agar dapat menarik minat pelajar terhadap profesional perakaunan.</p>
Gambar berkaitan projek <i>Picture related to project</i> (700kb)	

Rating/Level	JABATAN
--------------	---------

**

Borang ini perlu diisi oleh pelajar dan dihantar kepada penyelia/ penyelaras projek dalam bentuk hardcopy dan softcopy (borang LAMPIRAN J) dan gambar hasil projek dalam format jpeg(bitmap) bersama laporan akhir dan hasil projek.

